



JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI MALAYSIA

JPK.IP.(UU):130 JLD 4(36)
Kepada: Semua Koperasi

PEKELILING KETUA PENDAFTAR BILANGAN 10 TAHUN 2005

GARIS PANDUAN BAGI PERMOHONAN PEMBAYARAN HONORARIUM KEPADA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI

1. TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah Peraturan 43 Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 untuk menjelaskan asas yang perlu diambil kira dalam pembayaran honorarium kepada Anggota Lembaga Koperasi oleh koperasi di bawah Seksyen 57(5)(c) Akta Koperasi 1993.

2. DEFINISI

“**Honorarium**” bermaksud bahagian keuntungan sesuatu koperasi berdaftar yang dibayar kepada Anggota Lembaga Koperasi yang tidak melebihi jumlah wang yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar.

3. LATAR BELAKANG

3.1 Pembayaran honorarium oleh koperasi adalah diperuntukkan di bawah Seksyen 57(5)(c) Akta Koperasi 1993 yang menerangkan bahawa koperasi boleh menggunakan untung bersih terauditnya bagi setiap tahun kewangan untuk pembayaran honorarium selepas membuat bayaran-bayaran seperti berikut:

- (a) tidak kurang daripada 15 peratus kepada Kumpulan Wang Rizab di bawah Seksyen 57(1);
- (b) bayaran kepada Kumpulan Wang Amanah Pendidikan koperasi di bawah Seksyen 57(2)(a);
- (c) bayaran kepada Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi di bawah Seksyen 57(2)(b); dan
- (d) bayaran di para 3(b) dan 3(c) bolehlah ditolak daripada jumlah wang yang disebutkan di para 3(a).

Bayaran di para 3(b) dan 3(c) tidak boleh dibuat oleh koperasi melainkan jika dan sehingga semua kerugian terkumpul, jika ada, telah dihapuskirakan sepenuhnya.

- 3.2 Menurut Seksyen 57(5)(c) Akta yang sama, pembayaran honorarium kepada Anggota Lembaga Koperasi tidak boleh melebihi jumlah wang yang diluluskan oleh Ketua Pendaftar. Manakala, menurut Seksyen 57(7) Akta yang sama, tiada honorarium boleh dibayar kepada Anggota Lembaga Koperasi melainkan jika dan sehingga semua kerugian terkumpul koperasi, jika ada, telah dihapuskirakan sepenuhnya.
- 3.3 Dalam hubungan ini, terdapat segelintir koperasi telah mengisytiharkan dan meluluskan di mesyuarat agung tahunan jumlah honorarium yang tinggi dan tidak setimpal dengan prestasi dan kecekapan pengurusan koperasi. Untuk menangani masalah ini dan memelihara kestabilan kewangan koperasi, garis panduan ini dikeluarkan untuk mengawal pembayaran honorarium oleh koperasi.

4. ASAS YANG DICADANGKAN BAGI PEMBAYARAN HONORARIUM

Kriteria-kriteria yang digunakan sebagai asas pertimbangan dalam pembayaran honorarium adalah seperti berikut:

(a) **Pematuhan Kepada Seksyen 57 Akta Koperasi 1993**

Bayaran kepada Kumpulan Wang Rizab, Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi hendaklah dibayar oleh koperasi terlebih dahulu. Permohonan kelulusan Pembayaran honorarium yang dikemukakan oleh koperasi yang mempunyai tunggakan bayaran Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi tidak akan dipertimbangkan.

(b) **Bayaran Fi Audit Ketua Pendaftar Dan Kompaun**

Koperasi yang diaudit oleh Juruaudit Jabatan Pembangunan Koperasi hendaklah menjelaskan terlebih dahulu fi audit Ketua Pendaftar sebelum permohonan pembayaran honorarium dapat dipertimbangkan. Untuk koperasi yang ditawarkan kompaun ke atas kesalahan di bawah Akta Koperasi 1993, kompaun tersebut hendaklah dijelaskan sebelum permohonan pembayaran honorarium dapat dipertimbangkan.

(c) **Kadar Honorarium Yang Munasabah**

Anggota Lembaga Koperasi adalah dipilih oleh anggota-anggota dalam mesyuarat agung tahunan dan mereka bukanlah pekerja koperasi. Biasanya honorarium daripada sebahagian untung bersih teraudit dibayar kepada mereka sebagai penghargaan ke atas perkhidmatan serta sumbangan tenaga dan masa mereka dalam menguruskan aktiviti koperasi. Selain daripada honorarium, mereka boleh dibayar elaun yang tidak boleh melebihi jumlah wang yang ditetapkan oleh mesyuarat agung di bawah Seksyen 46(1) Akta Koperasi 1993.

Anggota Lembaga Koperasi juga dibayar elaun menghadiri mesyuarat dan jika koperasi memiliki subsidiari, mereka yang mewakili koperasi sebagai Lembaga Pengarah dalam subsidiari itu dibayar elaun Lembaga Pengarah oleh subsidiari. Anggota Lembaga Koperasi yang tidak melibatkan diri secara langsung dalam pengurusan harian dan operasi koperasi, mereka hanya boleh dibayar kadar honorarium yang munasabah. Sebagai panduan, kadar honorarium yang boleh dibayar kepada Anggota Lembaga Koperasi tidak boleh melebihi 10 peratus daripada untung bersih teraudit selepas bayaran-bayaran di bawah Seksyen 57(1) dan 57(2) Akta Koperasi 1993 atau RM150,000.00 mana yang lebih rendah.

(d) **Pulangan Atas Ekuiti (*Returns On Equity*)**

Pulangan atas ekuiti mengukur keberkesanan koperasi dalam menjanakan pendapatan daripada dana anggota. Jika pulangan atas ekuiti berada pada trend yang meningkat, ini menunjukkan Anggota Lembaga Koperasi adalah efisien dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Dalam keadaan sedemikian, mereka boleh diberi honorarium yang lebih tinggi setanding dengan prestasi mereka dan sekiranya keadaan sebaliknya berlaku, pembayaran honorarium yang tinggi adalah tidak munasabah.

(e) **Kedudukan Kecairan (*Liquidity Position*)**

Koperasi hendaklah mempunyai kadar kecairan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan anggota dan mendapat kepercayaan mereka kepada koperasi. Kadar honorarium yang dicadangkan oleh koperasi hendaklah munasabah dan tidak akan menjejaskan operasi perniagaan dan kedudukan kewangannya. Koperasi hendaklah mengemukakan penyata bank semasa dan dokumen berkaitan dengan simpanan di bank dan penyata tanggungan terkini kepada Ketua Pendaftar bersama dengan permohonan kelulusan pembayaran honorarium. Koperasi hendaklah mempunyai nisbah semasa (*Current Ratio*) sekurang-kurangnya 1:1 sebelum pembayaran honorarium.

(f) **Kecukupan Peruntukan Bagi Hutang Lapuk dan Hutang Ragu**

Koperasi hendaklah mewujudkan peruntukan yang mencukupi bagi hutang lapuk dan hutang ragu serta rosotnilai pelaburan supaya kunci kira-kira dapat memberi gambaran yang benar dan berpatutan mengenai kedudukan kewangan koperasi. Kegagalan untuk mewujudkan peruntukan hutang lapuk dan hutang ragu serta rosotnilai yang mencukupi akan menunjukkan keuntungan yang tidak realistik. Permohonan pembayaran honorarium yang dikemukakan oleh koperasi yang tidak mengambil kira peruntukan hutang lapuk, hutang ragu dan rosotnilai pelaburan tidak akan dipertimbangkan.

(g) **Kepuasan Pelanggan**

Pelanggan koperasi termasuk anggota-anggota sebagai pelanggan dalaman (*internal customers*) dan pembekal barangan/perkhidmatan serta Jabatan sebagai pelanggan luaran (*external customers*). Jika bilangan aduan daripada anggota meningkat, ini bermakna mereka tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberi oleh koperasi. Jika aduan diterima daripada pembekal barangan atau perkhidmatan semakin meningkat, ini bermakna mereka tidak berpuas hati dengan cara koperasi berniaga dengan mereka seperti kelewatan membuat pembayaran untuk barangan atau perkhidmatan yang diberikan.

(h) **Aspek Pengurusan Kewangan**

Nisbah-nisbah seperti berikut bolehlah digunapakai untuk mengukur keberkesanan dalam pengurusan kewangan koperasi:

- i. nisbah semasa;
- ii. nisbah keberuntungan bersih; dan
- iii. nisbah keberhutangan.

Jika nisbah-nisbah di atas menunjukkan arah aliran yang bertambah baik, ini bermaksud Anggota Lembaga Koperasi adalah efisien dalam mengawal perjalanan koperasi.

5. DOKUMEN YANG PERLU DIKEMUKAKAN OLEH KOPERASI UNTUK PERMOHONAN PEMBAYARAN HONORARIUM

Untuk permohonan kelulusan pembayaran honorarium, koperasi hendaklah mengemukakan satu salinan dokumen seperti berikut:

- (a) surat permohonan pembayaran honorarium;
- (b) cabutan minit mesyuarat agung tahunan yang meluluskan pembayaran honorarium;
- (c) cabutan minit mesyuarat Lembaga yang memutuskan agihan pembayaran honorarium;
- (d) senarai Anggota Lembaga Koperasi yang akan menerima honorarium dan jumlah diterima untuk setiap orang;
- (e) penyata bank yang terkini (termasuk sijil Simpanan Tetap dan Akaun Simpanan sekiranya ada);
- (f) penyata akaun teraudit bagi tahun kewangan yang berkenaan; dan
- (g) bukti bayaran fi audit, bayaran Kumpulan Wang Amanah Pendidikan Koperasi dan Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi.

6. AM

Semua koperasi hendaklah mematuhi garis panduan ini dan kegagalan mematuhi adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 dan tindakan undang-undang boleh diambil ke atas mana-mana koperasi yang didapati tidak mematuhi garis panduan ini.

7. TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai tarikh ianya dikeluarkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG"**

**(DATO' HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN)
Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia**

s.k Timbalan Ketua Pengarah
(Kawal Selia)

Timbalan Ketua Pengarah
(Pembangunan Dan Pengurusan)

Semua Pengarah JPK Ibu Pejabat

Semua Pendaftar Koperasi Negeri